



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KOLABORASI STRATEGIK KPWKM BERSAMA KDN DALAM KEMBARA PRIHATIN NEGARA

KUALA LUMPUR, 6 JULAI 2021 - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama YB Dato' Seri Hamzah bin Zainuddin, Menteri Dalam Negeri hari ini telah **turun padang menerusi Kembara Prihatin Negara bagi menyantuni mereka yang terjejas** semasa Perintah Kawalan Pergerakan dengan pengagihan barangan asas seperti beras, gula, tepung, minyak masak dan keperluan lain kepada **200 penduduk Perumahan Awam PPR Jelatek, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Kembara Prihatin Negara hari ini telah diperluaskan perkhidmatan penyampaiannya dengan kolaborasi strategik bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi OpBantu.**

“Saya menyambut baik hasrat KDN untuk berkolaborasi bersama-sama dalam menjayakan Kembara Prihatin Negara dan OpBantu. Ini merupakan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Kementerian Dalam Negeri dan juga inisiatif baharu pendampingan sosial kepada mereka yang memerlukan bantuan semasa pandemik COVID-19 serta *QUICK WIN* sebagai tindak balas pro-aktif kepada isu dan situasi yang sedang dihadapi oleh masyarakat sekarang” ujar YB Datuk Seri Rina Mohd Harun.

Kembara Prihatin Negara@Op Bantu ini akan berada di lokasi yang memerlukan hasil maklumat yang diperolehi melalui **Pemimpin Masyarakat, Talian Kasih 15999, Bilik Gerakan JKM, aduan melalui**

media sosial serta aduan yang diterima di Balai Polis, Bilik Gerakan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atau Pasukan Peronda Polis.

Selain itu, Kembara Prihatin Negara@OpBantu ini juga **akan membawa perkhidmatan PDRM agar lebih dekat dengan komuniti dan pada masa yang sama** berpeluang untuk membantu masyarakat dalam usaha mengesan dan menangani gejala sosial dan dipanjangkan kepada KPWKM untuk tindakan intervensi bersama.

Kolaborasi strategik antara KPWKM dengan KDN ini akan diteruskan walaupun selepas pandemik COVID-19, bagi menyantuni masyarakat dan memastikan golongan yang memerlukan mendapat bantuan yang sewajarnya. Sejalan dengan konsep “***whole of government***”, kerjasama di antara KPWKM dan KDN melalui agensi-agensinya di bawahnya akan dapat mewujudkan ‘***community engagement***’ bagi menangani gejala sosial, membantu rakyat yang memerlukan dan membasmi jenayah.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyeru masyarakat untuk menghubungi **Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam dan juga balai polis yang berhampiran sekiranya memerlukan bantuan sokongan sosial semasa berhadapan dengan saat sukar sekarang.**

**Kita Jaga Kita #Lindung DiriLindung Semua#
#TeguhKita Menang Bersama#**

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**